



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(UPA)MEL/01(22)
Tarikh : 12 Mac 2019
Bersamaan : 05 Rejab 1440 Hijrah

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGUMPULAN MAKLUMAT PEGAWAI ASET DAN KEWANGAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan pelaksanaan sistem iGFMS (Perakaunan Aset) dalam pengurusan aset jabatan, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta untuk mengemaskini maklumat pegawai-pegawai aset dan kewangan yang dilantik di jabatan tuan. Maklumat ini diperlukan bertujuan bagi melancarkan pelarasan data perakaunan aset iGFMS.

3. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dikehendaki melengkapkan borang Lampiran A seperti di lampiran bagi tujuan pengumpulan maklumat pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan aset jabatan. **Lampiran A ini hendaklah dikemukakan melalui faks/emel sebelum/pada 15 April 2019.**

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai Unit Pengurusan Aset seperti berikut :

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>No.Telefon</u>	<u>Emel</u>
i.	Puan Rosnita binti Ramli	06-2895038	rosnita.ramli@anm.gov.my
ii.	Puan Aimi Safura binti Ismail	06-2895047	aimisafura@anm.gov.my

5. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.